

Deklarasi KL jadi pedoman anggota2 Asean



SATU sidang menteri-menteri ASEAN

ASEAN tidak pernah berganjak dari konsep mewujudkan sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOP-FAN) sebagaimana yang terkandung dalam Deklarasi Kuala Lumpur.

Sebagai pendokong kuat perubahan lima negara anggota itu, konsep itulah menjadi asas utama Malaysia dalam melaksanakan dasar luarnya. Walaupun tampok pemerintahan negara baru sahaja bertukar, namun dasar yang ada tidak akan bertukar. Bak kata Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad, cuma gaya sahaja yang akan berubah.

Bagaimanapun, tidak ada perkara yang harus disangkal kerana gaya pimpinan akan mewujudkan satu suasana yang lebih baik.

Tambahan pula, Dato' Seri Dr. Mahathir bukan orang baru dalam kalangan ASEAN mahupun dunia amnya.

Pertukaran pimpinan dalam ASEAN bukan lah satu perkara baru dan luar biasa.

Thailand pernah berubah beberapa kali perubahan pucuk pimpinan, namun kerjasama antara negara-negara anggota iaitu Malaysia, Filipina, Indonesia, Thailand dan Singapura tetap padu di mata dunia.

Disebabkan pergolakan yang berlaku di rantau ini, jelasnya tekanan terhadap sempadan Kampuchea-Thailand dan pembantahan pendatang haram ke negara-negara ini, telah menyebabkan ASEAN lebih bersatu menghadapi keadaan.

Inilah hakikat yang tidak dapat kita tolak memandangkan suara-suara ASEAN telah menjadi sokongan dari kebanyakan negara di dunia terutama dalam Perubahan Bangsa-bangsa Bersatu.

Perisidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea yang baru diadakan juga menunjukkan ASEAN tidak berhenti-henti menantikan jalinannya untuk memulihkan keadaan di rantau ini.

Sokongan

Bagi Malaysia, hasrat utama ialah untuk terbaik-baik dengan semua negara sama ada besar atau kecil, walau apapun sistem politik sosial mereka.

Malaysia tidak menentuakan diri dengan sebarang blok kuasa.

Sebaliknya pula, Malaysia menentang campurtangan kuasa-kuasa besar dalam sesebuah negara lain. Malaysia ialah untuk mengukuhkan ASEAN sebagai sebuah jentera bergerak, bersatu dan berkesan untuk kerjasama serantau.

Malaysia melalui ASEAN ingin menubuhkan satu susunan politik dan ekonomi baru dan memupuk keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Antara tujuan utama dalam Deklarasi Bangkok 14 tahun lalu, ialah untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan di rantau ini melalui usaha bersama menurut lunas-lunas persamaan dan kerjasama dan keamanan masyarakat rakyat negara-negara Asia Tenggara.

Ia juga berhasrat meningkatkan kestabilan dan keamanan serantau melalui saling hormat menghormati untuk keadilan dan peraturan undang-undang dalam hubungan negara-negara di rantau ini, dan mematuhi piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ketika merasmikan mesyuarat pertama penggal ketiga Parlimen Kelima, Mac lalu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan Malaysia akan terus memberi keutamaan kepada kerjasama serantau melalui ASEAN serta memupuk keamanan dan kesefahaman antarabangsa menerusi konsep Zopfan.

Pergolakan politik dan ekonomi antarabangsa seperti sekarang membimbangkan dan memerlukan usaha-usaha positif dan berkesan.

Tuduhan

Ketegangan yang masih berterusan di Asia Tenggara terutama mengenai masalah Kampuchea adalah satu perkembangan yang membahayakan dan membawa kemungkinan penglibatan kuasa-kuasa besar.

Seri Paduka Baginda bertitah, Malaysia akan terus berusaha bekerjasama dengan rakan-rakannya dalam ASEAN untuk memberi keutamaan kepada penyelesaian politik terhadap sengketa di Kampuchea berasaskan ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu hasil dari dayausaha ASEAN.

Adalah diyakinkan, masa depan rantau ini adalah lebih terjamin sekiranya semua negara-negara serantau mempunyai dedikasi ke arah perhubungan yang terbuka dan tidak dipengaruhi oleh prasangka.

ASEAN beberapa kali menolak tuduhan

mengatakan ianya sebagai sebuah pakatan tentera dan mengulangi, perubahan itu adalah untuk kepentingan ekonomi, kebudayaan, sosial dan lain-lain kepentingan serantau.

ASEAN mengutuk Vietnam kerana melancarkan Kampuchea dan membanturi Asia Tenggara dengan orang-orang hanyut. Ini telahpun disuarakan oleh Menteri-menteri luar ASEAN dalam sidang mereka di Bali.

ASEAN juga menentang wakil Kerajaan Heng Samrin mewakili Kampuchea di sidang Negara-negara Berkecuali di Havana. Di Bangsa-bangsa Bersatu, kebanyakan negara tidak setuju dengan cara Vietnam menubuhkan kerajaan boneka di negara itu kerana ia akan menimbulkan masalah rumit di mana-mana sahaja di dunia.

Malaysia menyatakan kebimbangan terhadap perkembangan di rantau Asia Tenggara, yang dikukuhkan lagi oleh persaingan kuasa besar dan peningkatan perlombongan senjata.

Satu perkara membanggakan ialah apabila resolusi ASEAN mengenai Kampuchea diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dengan 91 negara menyokong, 21 menentang dan 29 berkecuali.

Antara lain, resolusi itu menyeru semua pihak yang terlibat dalam perlakuan di Kampuchea, antara Kerajaan Heng Samrin yang disokong gerila Pol Pot yang Peking supaya menghentikan peperangan. Sebenarnya, pendirian ASEAN adalah berasaskan kepada prinsip berkecuali dan bukannya lahir dari perasaan peribadi terhadap Vietnam.

Aktif

Sejak tahun 1978, apabila tentera-tentera asing menceroboh Kampuchea dengan tujuan hendak menggulingkan Kerajaan Demokratik Kampuchea yang sah, Malaysia dengan negara ASEAN lain bersama-sama menyeru supaya tentera-tentera asing ditarik keluar dengan serta merta dan dengan bersungguh-sungguh mendesak supaya penduduk-penduduk Kampuchea di diberi hak menentukan masa depan mereka, bebas dari campurtangan atau pengaruh mana-mana kuasa luar sesuai dengan prinsip yang dikliraf di peringkat antarabangsa.

Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia sering memainkan peranan aktif dalam persidangan-persidangan dan perbincangan-perbincangan yang diadakan oleh badan dunia itu.

Bagi Malaysia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu merupakan satu forum yang penting untuk menyuarakan pendiriannya mengenai berbagai isu politik antarabangsa dan hasrat nasionalnya dapat difahami dan diterima oleh lain-lain negara dan untuk perdamaian dan kemakmuran umat manusia.

Malaysia pernah menyuarakan perbincangan dan aliran dalam bidang politik dan ekonomi antarabangsa, menyorot peristiwa-peristiwa yang

berlaku di Asia Tenggara, kerjasama ASEAN dan Zopfan dan juga mewujudkan Peraturan Ekonomi Antarabangsa yang baru dan labung bersama bagi barangan.

Malaysia meneruskan perkhidmatannya dalam berbagai agensi Bangsa-bangsa Bersatu, terutama dalam Jawatankuasa khas menentang Apartheid, Jawatankuasa pelaksanaan hak-hak Asasi Rakyat Palestin, Jawatankuasa Ad hoc berkenaan Lautan Hindi dan Jawatankuasa berkenaan dengan

sumber alam. Malaysia juga menyertai berbagai dialog dan mesyuarat Komanwel. Malaysia adalah anggota dari berbagai 'study groups' dalam berbagai aspek pembangunan ekonomi seperti Kumpulan Teknikal Komanwel.

Malaysia juga menjadi anggota Jawatankuasa Peringkat Menteri Komanwel berkenaan dengan Belize yang telah ditubuhkan pada tahun 1977 untuk membantu pihak-pihak

yang berkaitan untuk mendapati penyelesaian ke arah kemerdekaan Belize sesuai dengan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Malaysia menganggotai Gerakan Berkecuali sejak Persidangan Kemuncak yang ketiga di Lusaka pada tahun 1970.

Semenjak 1970-76, Malaysia telah menganggotai Biro Penyelaras Gerakan Berkecuali yang bertindak sebagai Jawatankuasa Pemandu Gerakan tersebut antara Perisidangan-persidangan Kemuncak yang diadakan setiap tiga tahun sekali.

Kerjasama ekonomi antarabangsa telah juga memberi sumbangan terhadap usaha-usaha membina negara.

Dalam tempoh 10 tahun lalu, Malaysia bersama negara-negara lain telah menyertai dengan giatnya rundingan-rundingan dengan negara-negara maju untuk menghasilkan satu susunan ekonomi antarabangsa yang baru dan telah mengambil bahagian cergas dalam berbagai persidangan Bangsa-bangsa Bersatu serta menjalinkan hubungan ekonomi yang lebih rapat dengan negara-negara kurang maju yang lain melalui penyertaan dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan juga sebagai Anggota Kumpulan 77.

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID



KELUARAN KHAS HARI KEBANGSAAN